

24/01/1998

Syarikat kewangan perlu telus

SEJAK kebelakangan ini, ramai pengguna yang memohon mendapatkan kemudahan kredit dikatakan sukar mendapatkannya. Ada yang mendakwa sesetengah institusi kewangan langsung tidak memberi layanan kepada permohonan mereka dengan alasan pembiayaan kredit sudah dibekukan. Alasan yang diberikan institusi kewangan ialah mereka diarah Bank Pusat berbuat demikian.

Pada masa yang sama ada beberapa institusi kewangan secara terbuka mengumumkan mereka masih menyediakan kemudahan itu dan menasihatkan pengguna menghubungi semua cawangan di seluruh negara jika ingin mendapatkannya. Bagaimanapun, tidak kurang juga kalangan pengguna mendakwa sukar mendapatkan pembiayaan kredit selepas cawangan itu dikunjungi. Bagi pengguna keadaan seperti ini memang merunsingkan. Mereka seolah-olah tidak pasti situasi sebenar. Ketika menteri dan pemimpin mengumumkan tidak wujud masalah kredit, realiti yang mereka hadapi adalah sebaliknya. Contoh mudah ialah pinjaman sewa-beli kereta. Awal bulan ini kerajaan mengumumkan kira-kira RM15 bilion boleh digunakan untuk pinjaman sewa beli kereta sepanjang 1998. Jumlah itu termasuk peruntukan RM6.9 bilion oleh institusi kewangan dan perbankan bagi pinjaman sewa beli kenderaan, manakala RM8 bilion lagi adalah jumlah pembayaran balik pinjaman sewa beli kepada institusi berkenaan.

Sehubungan itu, kerajaan juga mengumumkan syarikat kewangan peringkat satu sudah diarah menggunakan kebijaksanaan mereka dalam memberikan kredit bagi memenuhi jurang yang ditinggalkan oleh syarikat kewangan kecil yang tidak mempunyai keupayaan untuk melakukannya dengan memuaskan.

Malangnya, rungutan itu masih berterusan dan kini merebak kepada pelbagai sektor lain termasuk hartanah, pinjaman perniagaan dan beberapa sektor kegiatan ekonomi yang lain. Apa menjadi tanda tanya sekarang ialah ke manakah perginya sumber kredit itu sedangkan kerajaan mengumumkan ia memang ada. Malah Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin menegaskan negara mempunyai kemudahan kredit yang mencukupi berjumlah RM490 bilion bagi membiayai pelbagai kegiatan tahun ini. Perdana Menteri menafikan negara mengalami kekurangan kredit, sebaliknya apa yang berlaku ada salah faham yang menyebabkan sesetengah pihak tidak mendapat pinjaman wang yang diperlukan. Kita percaya, kegawatan yang berlaku di Malaysia sekarang bukan sesuatu yang terlalu buruk seperti di beberapa negara Asia lain yang tidak mampu mencatatkan pertumbuhan dan tidak cukup kredit. Namun kita berpendapat penyebab kepada dakwaan dan masalah ini ialah tiada penyaluran maklumat jelas malah mungkin mengelirukan daripada sektor institusi kewangan itu sendiri sehingga pengguna seperti tenggelam punca. Mungkin agak sukar bagi setiap bank dan syarikat kewangan membuat kenyataan terbuka menjelaskan kedudukan sebenar. Bagaimanapun, kita berpendapat Bank Negara atau sekurang-kurangnya persatuan bank dan syarikat kewangan wajar memberi penjelasan panjang lebar. Jika ini dibuat, adalah lebih mudah bagi setiap bank mahupun cawangan memberi penjelasan lanjut kepada pelanggan yang membuat permohonan kredit mengenai kedudukan mereka yang mana sesetengah peminjam sendiri keliru. Penjelasan di peringkat ini, peminjam juga wajar diberitahu syarat kelayakan yang standard untuk mendapatkan kemudahan dan jika diperketatkan, sebab yang munasabah harus diberitahu kepada mereka.

Sesungguhnya dalam mengharungi kepayahan sekarang, mengembalikan keyakinan terutama kepada sektor kewangan adalah sangat penting. Lantaran itu, kita mahu pengurusan institusi kewangan lebih telus memberi tahu

kepada pengguna jika benar, mengapa mereka terpaksa mengekang pemberian kredit. Kita bimbang apa yang berlaku sekarang semata-mata tindakan segelintir institusi kewangan yang mengambil langkah sendiri mengekangnya dan enggan mematuhi arahan yang dibuat oleh Bank Pusat. Ketika semua pihak diminta berkorban dan lebih berhemah menghadapi ujian getir, kita terkilau jika institusi kewangan sendiri tidak menyahut saranan itu. Sebaliknya mereka pula semakin gelabah sehingga sanggup membekukan segala kemudahan. Kita tidak mahu ada kalangan institusi kewangan yang bertindak demikian semata-mata mahu melindungi organisasi sendiri tanpa memikirkan soal patriotik, pengorbanan dan fleksibiliti untuk turut serta memulihkan masalah ekonomi negara.

(END)